

**KONSEP BUDAYA HEDONISME DAN LATAR BELAKANGNYA  
DARI PERSPEKTIF AHLI FALSAFAH YUNANI DAN BARAT MODEN  
(Concept of the Culture of Hedonism Topics and its Background  
from the Perspective of the Greek Philosophers and Modern Western)**

Oleh:

Halipah Hamzah\*  
Muhammad Azizan Sabjan\*\*  
Noor Shakirah Mat Akhir\*\*\*

**Abstrak**

*Kertas kerja ini membincangkan topik berkenaan konsep budaya hedonisme yang menyetengahkan aspek-aspek berkaitan definisi budaya hedonisme dan prinsipnya, latar belakang kemunculan dan perkembangan hedonisme sepintas lalu dari perspektif ahli falsafah Yunani dan Barat Moden. Pelbagai pandangan mereka mengenai hedonisme akan dibahas dalam perbincangan ini. Justifikasi perbincangan topik ini kerana mutakhir ini budaya hedonisme merupakan salah satu daripada elemen yang menjadi pegangan masyarakat terutama golongan muda. Justeru, dalam kertas kerja ini juga turut membincangkan permasalahan dan implikasi fahaman ini. Diharapkan perbincangan ini dapat melontarkan input tambahan mengenai budaya hedonisme masa kini.*

**Kata kunci:** *Budaya hedonisme, Yunani, Barat Moden, masyarakat, implikasi*

**Abstract**

*This paper discuss the concept of the culture of hedonism topics that highlight relevant aspects of the definition and principle of cultural hedonism, background emergence and development of hedonism at a glance from the perspective of the Greek philosophers and Modern Western. Various views on hedonism will be debated in this discussion. Justification discussion of this topic as of late hedonism culture is one of the elements to grip the public, especially young people. Thus, in this paper also discusses the problems and implications of this notion. Hopefully, this discussion can throw additional input regarding current cultural hedonism.*

**Keywords:** *culture of hedonism, Greek, modern Western, society, the implication*

**Konsep Budaya Hedonisme**

Budaya menurut *Kamus Dewan* diertikan sebagai tamadun, kemajuan fikiran, akal budi atau cara berfikir, berkelakuan, dan sebagainya.<sup>1</sup> Menurut *Kamus Am* pula bermaksud peradaban, fikiran, akal budi.<sup>2</sup> Manakala berdasarkan *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan* pula bererti kemajuan rohani, jasmani, sudah maju akal budi, kultur.<sup>3</sup> Seterusnya merujuk kepada *Kamus Bahasa Melayu* budaya ialah fikiran manusia melalui latihan dan pengalaman<sup>4</sup> dan *Kamus Malaysiana* mendefinisikan budaya

---

\* Halipah Hamzah, Ph.D. Pensyarah Kanan di Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Cawangan Pulau Pinang. Email: [shalipah@ppinang.uitm.edu.my](mailto:shalipah@ppinang.uitm.edu.my)

\*\* Muhammad Azizan Sabjan, PhD. Prof Madya di Bahagian Falsafah dan Ketamadunan, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. Email: [mazizan@usm.my](mailto:mazizan@usm.my)

\*\*\* Noor Shakirah Mat Akhir, Ph.D. Profesor Madya di Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. Email: [shakirah@usm.my](mailto:shakirah@usm.my)

<sup>1</sup> Kamus Dewan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2010, hlm. 212. Selepas ini disebut Kamus Dewan.

<sup>2</sup> Kamus Am, Crescent News (KL) Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 2001, hlm. 140. Selepas ini disebut Kamus Am.

<sup>3</sup> Haji Zainal Abidin Safarwan (penyusun), Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan, Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 2002, hlm. 305. Selepas ini disebut Haji Zainal Abidin Safarwan.

<sup>4</sup> Arbak Othman, Kamus Bahasa Melayu, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1994, hlm. 62. Selepas ini disebut Arbak Othman.

sebagai cara berkelakuan seperti berfikir dan lain-lain, kemajuan akal budi, kebudayaan.<sup>5</sup> Hedonisme merupakan suatu pola pemikiran yang menyatakan bahawa memaksimumkan keseronokan adalah perkara terbaik dan amat disukai dalam kehidupan manusia di alam ini. Istilah hedonisme ialah cantuman daripada dua perkataan iaitu 'hedone' dan 'isme'. Perkataan pertama iaitu hedone merupakan istilah Greek (Yunani) yang bererti kesenangan atau keseronokan.<sup>6</sup> Maksud perkataan kedua iaitu isme dijelaskan dalam Kamus Dewan sebagai akhiran asing kepercayaan, gerakan politik atau keagamaan, sikap, serta perlakuan.<sup>7</sup> Perkataan hedonisme diertikan sebagai suatu pegangan atau pandangan hidup yang mementingkan keseronokan atau kesenangan hidup.<sup>8</sup> *Oxford English Dictionary* mendefinisikan hedonisme sebagai satu doktrin atau teori etika yang menyatakan bahawa keseronokan merupakan tahap kebaikan tertinggi atau matlamat akhir sesuatu tindakan.<sup>9</sup>

Hedonisme juga diertikan sebagai kepuasan rasa dan kenikmatan yang menjadi ukuran tingkah laku sesuatu perbuatan yang baik.<sup>10</sup> Hedonisme menilai kebaikan hanya berdasarkan kepada keseronokan semata-mata. Nilai moral dianggap mempunyai persamaan dengan nilai kebaikan yang diperoleh dalam budaya hedonisme ini.<sup>11</sup> Penganut fahaman ini dikenali sebagai hedonis dan sifat golongan ini yang mementingkan keseronokan disebut sebagai hedonistik.<sup>12</sup>

Para hedonis Yunani telah mengklasifikasikan definisi hedonisme kepada dua pengertian. Pertama, hedonisme merupakan suatu tindakan bagi memperoleh keseronokan dan kebahagiaan. Kedua, hedonisme adalah suatu falsafah keseronokan iaitu suatu doktrin falsafah yang menjelaskan bahawa sumber nilai moral adalah keseronokan dan ia berada pada tahap kebaikan yang teratas.<sup>13</sup> Definisi kedua ini selari dengan pandangan John David Garcia yang menyatakan bahawa dalam budaya hedonisme, keseronokan dan kegembiraan menerima kredit tertinggi. Beliau menjelaskan hedonisme ialah:

*"A sense of values which gives the highest value to pleasure and happiness. Hedonism represents the pursuit of happiness to the exclusion of awareness. A hedonists seeks to maximize the happiness above all else."*<sup>14</sup>

Menurut pandangan ahli falsafah, hedonisme terbahagi kepada dua bentuk:

- i. Hedonisme psikologi iaitu doktrin bahawa manusia sentiasa melakukan sesuatu tindakan yang difikirkan dapat memberi kenikmatan terbesar kepada mereka. Doktrin ini kemudiannya dikenali sebagai hedonisme psikologi egoistik.<sup>15</sup> Hedonisme psikologi beranggapan bahawa manusia secara fitrah sentiasa memilih sesuatu perkara yang difikirkan dapat memberikan lebih banyak kebahagiaan dan mengurangkan kesakitan kepada mereka.<sup>16</sup>

<sup>5</sup> Kamus Malaysiana, Ensimal (M) Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1994, hlm. 81. Selepas ini disebut Kamus Malaysiana.

<sup>6</sup> Jonathan Ree & J.O. Urmson, *The Concise Encyclopedia of Western Philosophy*, Routledge, London dan New York, 2005, hlm. 152.

<sup>7</sup> *Kamus Dewan*, hlm. 590.

<sup>8</sup> *Ibid.*, hlm. 523.

<sup>9</sup> J.A. Simpson and E.S.C. Weiner, *The Oxford English Dictionary*, Clarendon Press, Oxford, 1989, hlm. 98.

<sup>10</sup> Haron Din et al., *Manusia dan Islam*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1990, jil. 3, hlm. 288. Selepas ini disebut Haron Din et al.

<sup>11</sup> Mustaffa Kamil Ayub, *Menangani Cabaran Membina Kecemerlangan Tamadun Ummah*, Budaya Ilmu Sdn. Bhd., Selangor, 1994, hlm. 76.

<sup>12</sup> *Kamus Dewan*, hlm. 523.

<sup>13</sup> Mardzelah Makhsin, *Sains Pemikiran dan Etika*, Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd., 2007, hlm. 97. Selepas ini disebut Mardzelah Makhsin.

<sup>14</sup> John David Garcia, *The Moral Society*, The Julain Press Inc., New York, 1971, hlm. 330.

<sup>15</sup> G.H.R. Parkinson et al. (Eds.), *An Encyclopaedia of Philosophy*, Routledge, London, 1996, hlm. 894. Selepas ini disebut G.H.R. Parkinson et al.

<sup>16</sup> Adam Morton, *Philosophy in Practice: An Introduction to the Main Questions*, hlm. 178.

- ii. Hedonisme etika iaitu doktrin bahawa manusia seharusnya melakukan sesuatu tindakan yang dapat menghasilkan kenikmatan dan kebahagiaan terbesar kepada mereka. Doktrin ini seterusnya dikenali sebagai hedonisme etika universal.<sup>17</sup> Hedonisme etika berpendapat bahawa manusia sepatutnya bertindak untuk mendapatkan kebahagiaan dan menghindarkan kesakitan. Dengan kaedah ini mereka dapat memperoleh kehidupan yang terbaik.<sup>18</sup>

Para hedonis sentiasa berusaha memperbaiki cara hidup mereka masing-masing untuk memaksimumkan prinsip kegembiraan dan keseronokan dalam kehidupan.<sup>19</sup> Prinsip ini berdasarkan kepada doktrin falsafah dan psikologi yang menjelaskan bahawa segala tingkah laku atau kelakuan manusia adalah berasaskan kepada usaha untuk mencari kegembiraan.

Hedonisme merupakan sebahagian daripada sekularisme. Kata dasar sekularisme ialah sekular yang bermaksud dunia. Ia merupakan suatu fahaman yang memisahkan hubungan di antara agama dan dunia,<sup>20</sup> suatu fahaman berbentuk doktrin, pendirian, dan sebagainya yang menolak nilai-nilai keagamaan dalam kehidupan sosial manusia.<sup>21</sup> Menurut Seyyed Hossein Nasr, sekularisme bersifat manusiawi iaitu sesuatu yang berpunca daripada manusia. Persaingan di antara Tuhan dan manusia menjadi dasar dan matlamat utamanya.<sup>22</sup> Definisi sekularisme ini diperkukuhkan oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas iaitu pembebasan manusia daripada unsur keagamaan dan metafizik.<sup>23</sup>

Sekularisme bertujuan untuk memisahkan agama secara total daripada masyarakat dan membuka peluang untuk membangunkan pendidikan tanpa ciri-ciri keagamaan, sistem politik yang bercanggah dengan syariat, dan sistem ekonomi berasaskan riba. Di samping itu, ia juga bermatlamat untuk menjauhkan unsur-unsur kerohanian, wahyu, perkara-perkara ghaib, serta perkara-perkara yang mempunyai hubungan dengan agama seperti akhlak, akidah, dan keimanan daripada pemikiran manusia.<sup>24</sup> Justeru, masyarakat sekular ialah masyarakat yang memiliki aspek kehidupan sosial yang bebas daripada penguasaan simbol dan institusi agama. Ini bermakna kuasa dan pengaruh agama semakin berkurangan dalam kehidupan masyarakat tersebut.

Sekularisasi<sup>25</sup> melibatkan beberapa perkara, antaranya kecenderungan mengejar keseronokan dan kebahagiaan; pertambahan kebebasan daripada segi sains, ilmu pengetahuan dan nilai; penekanan terhadap ukuran empirik dan ukuran yang berhubungkait dengan kecekapan duniawi; kesedaran mengenai kebolehan dan kuasa manusia terhadap alam dan masyarakat; berkurangan kuasa dan pengaruh institusi agama terhadap kehidupan manusia serta pemisahan agama daripada sistem politik dan kerajaan.<sup>26</sup> Hedonisme mengutamakan keseronokan yang berasaskan kepada penentuan akal fikiran. Fenomena ini menepati kehendak serta matlamat sekularisme yang ingin membebaskan manusia daripada unsur-unsur ketuhanan dan keagamaan. Menerusi budaya ini, matlamat sekularisme pihak tertentu dapat dijayakan.

---

<sup>17</sup> G.H.R. Parkinson et al. (Eds.), *An Encyclopaedia of Philosophy*, hlm. 894.

<sup>18</sup> Adam Morton, *Philosophy in Practice: An Introduction to the Main Questions* hlm. 179.

<sup>19</sup> Abdul Ghafar Hj. Don, "Budaya Hedonisme: Corak dan Kesannya terhadap Pembinaan Masyarakat Dinamik di Malaysia" dalam Fariza Md. Sham et al. (Eds.), *Dakwah dan Perubahan Sosial*, hlm. 51.

<sup>20</sup> Haron Din et al., *Manusia dan Islam*, hlm. 295.

<sup>21</sup> *Kamus Dewan*, hlm. 1417.

<sup>22</sup> Syed Hossein Nasr, *Islamic Studies*, Librairie Du Liban, Beirut, 1967, hlm. 15-16.

<sup>23</sup> Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam and Secularism*, International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC), Selangor, 1993, hlm. 17.

<sup>24</sup> Said Abd al-Hakim Zaid, *Waqi al-Alam al-Islami Bayna Taghrib al-Tanim wa Kasyf Takhrib al-Mutanamirin*, Maktabat Wahbah, Kaheerah, 1997, hlm. 202.

<sup>25</sup> Sekularisasi ialah satu istilah sosial masyarakat yang berasal daripada perkataan sekular. Konsep sekularisasi berkaitan dengan proses keruntuhan peranan agama dalam masyarakat yang mengakibatkan masyarakat bercorak lebih rasional, materialis dan utilitarian. Lihat: *Ensiklopedia Malaysiana*, jil. 11, hlm. 419.

<sup>26</sup> *Ibid.*

## **Implikasi Budaya Hedonisme**

Budaya hedonisme yang menjadi pegangan masyarakat kini mengundang pelbagai implikasi. Antaranya implikasi terhadap ilmu. Ilmu pengetahuan merupakan aset diri yang tidak ternilai. Ia adalah elemen kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Orang yang berilmu merupakan orang yang berfikiran untuk mengubah situasi hidupnya kepada kehidupan yang lebih baik. Adunan di antara akal dan fikiran memimpin manusia ke arah kecemerlangan dan kegemilangan hidup. Ini kerana, hasil daripada olahan fikiran akan menemui pelbagai ilmu pengetahuan yang menjadi pembaharuan dalam menangani kehidupan. Fikiran yang kukuh untuk menuntut ilmu semasa usia muda menghasilkan masyarakat yang berwawasan dan berketerampilan. Namun, masyarakat remaja telah menyalahgunakan kecanggihan sains dan teknologi masa kini. Mereka tidak terfikir untuk mengilmukan diri supaya ia dapat memantapkan kebahagiaan hidup.<sup>27</sup> Berbekalkan ilmu, manusia akan terselamat daripada pengaruh budaya dan ideologi yang merosak dan menyesatkan pemikiran. Namun, pada masa kini kebanyakan umat manusia lebih mengutamakan ilmu moden ciptaan manusia. Justeru, mudahlah ideologi dan budaya Barat menyerang dan mempengaruhi pemikiran mereka. Akibat mengejar keseronokan hidup, mereka alpa mengenai kewajipan memelihara akal.

Seterusnya, budaya hedonisme melahirkan manusia yang keras hati, menolak kebenaran dan sentiasa berada dalam kesesatan. Kemewahan menjadikan hati manusia menjadi kasar, hilang kepekaan dan merosakkan fitrah manusia. Malah ia turut menyebabkan manusia bersikap sombong terhadap hidayah dan berdegil di atas kepalsuan. Golongan yang hidup mewah itu tertipu dengan nilai-nilai yang palsu dan nikmat-nikmat yang fana. Mereka terperdaya dengan kekayaan dan kekuatan yang ada pada diri mereka.<sup>28</sup> Budaya hedonisme menetapkan keseronokan, kegembiraan, dan kelazatan sebagai matlamat utama kehidupan. Konsep budaya hedonisme ini menekankan kepada pegangan falsafah hidup yang mementingkan kebebasan manusia yang bertuhankan hiburan. Budaya ini juga berasaskan kepada kemewahan dan keduniaan. Para hedonis bersikap mementingkan diri sendiri serta bersifat individualistik dan materialistik.<sup>29</sup>

Budaya hedonisme juga menjadikan manusia bersifat sombong. Kemewahan yang mereka miliki telah merosakkan fitrah manusia dan menjadikan mereka berperasaan kasar dan sombong. Ia menutup pintu-pintu hati manusia dan menyebabkan hati mereka hilang daya kepekaannya.<sup>30</sup> Sikap tamak dalam mengumpul harta, keinginan untuk hidup mewah, dan bermegah-megah adalah antara faktor yang mempengaruhi seseorang individu terbabit dengan jenayah rasuah. Manusia sering tertarik dengan harta kekayaan dan kemewahan terutama golongan eksekutif muda. Mereka sangat berminat serta dahagakan kekayaan dan kesenangan, ingin segera menjadi hebat dan terkenal tanpa perlu mengikut prosedur biasa, tidak perlu bersusah payah, berpenat lelah, dan mengeluarkan keringat. Hasrat ini hanya dapat dicapai melalui cara yang salah termasuk rasuah. Rasuah mendatangkan implikasi negatif yang sangat merbahaya kepada individu, masyarakat, dan negara.<sup>31</sup>

Implikasi seterusnya, budaya hedonisme menggalakkan manusia melakukan kejahatan. Golongan yang terpengaruh dan berpegang teguh dengan materialisme mengajak manusia supaya memberi keutamaan kepada dunia dan menjadikan dunia ini sebagai matlamat dalam kehidupan.<sup>32</sup> Pendewaan kepada kebendaan dan kekayaan menyebabkan manusia sentiasa menjadikannya sebagai kayu ukur

<sup>27</sup> Mohamad Farid Linggi, *Warna Warni Kehidupan*, Kuala Lumpur: al-Hidayah Publications, 2007, hlm. 12-14.

<sup>28</sup> Sayyid Qu'ib, *Fi Zilal al-Quran*, Kaheerah, Dar al-Syuruq, 2009, jil. 5, hlm. 2910. Selepas ini disebut Sayyid Qutb.

<sup>29</sup> Abdul Ghafar Don & Zaleha Mohd Ali, *Dakwah dan Cabaran De-Islamisasi di Malaysia*, Selangor: Karisma Publications Sdn. Bhd., 2008, hlm. 65-67. Selepas ini disebut Abdul Ghafar Don & Zaleha Mohd Ali.

<sup>30</sup> Sayyid Qutb, *Fi Zilal al-Quran*, jil. 4, hlm. 2467.

<sup>31</sup> Ali Mohammad, "Rasuah Menurut Islam: Analisis Implikasinya Terhadap Pembangunan Negara" dalam Mohd Roslan Mohd Nor & Ahmad Zaki Berahim @ Ibrahim (Eds.), *Pembangunan Modal Insan & Tamadun Dari Perspektif Islam*, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2010, hlm. 237-238.

<sup>32</sup> Nik Mohd Rosdi & Nik Kamaliah, *Kenalilah al-Islam (Bahagian Dua)*, Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd., 2002, hlm. 234.

kepada sesuatu tindakan yang diambil. Hubungan sesama manusia tidak berasaskan kepada sifat mulia tetapi berdasarkan kepada nilai kebendaan yang akan diperolehi. Justeru, pada masa kini masyarakat tidak merasa pelik apabila anak-anak menghantar ibu bapa mereka ke rumah kebajikan disebabkan oleh faktor kebendaan.<sup>33</sup>

Budaya hedonisme yang asalnya merupakan satu aliran telah bertukar menjadi sebahagian daripada cara hidup masyarakat moden. Ia menjadi pegangan hidup golongan individu yang mementingkan keseronokan semata-mata tanpa mempedulikan aspek-aspek lain yang lebih penting dalam kehidupan mereka. Mereka turut didorong untuk melakukan sesuatu tindakan yang menyenangkan dan mengelakkan daripada perkara-perkara yang merugikan. Manusia yang terjerumus dalam dunia hedonisme ini hanya bertuhankan kepada nafsu semata-mata. Hari-hari yang mereka jalani hanya bertujuan untuk mengejar dan menambah kekayaan dunia, bermegah dengan pangkat dan kuasa, memuaskan nafsu, berhibur dan berpoya-poya sehingga lupa kepada hakikat sebenar tujuan mereka diciptakan di muka bumi ini. Di samping itu, mereka juga lalai melaksanakan tanggungjawab sebagai anggota keluarga atau anggota masyarakat.

### **Latar Belakang Hedonisme**

Hedonisme sering dikaitkan dengan pemikiran Yunani purba. Ahli-ahli falsafah Yunani mempelopori percubaan membuat penyelidikan mengenai konsep keseronokan dan kesengsaraan. Majoriti ahli falsafah purba mempunyai teori tersendiri mengenai konsep ini. Antara mereka yang menghasilkan penulisan mengenai konsep ini termasuklah Democritus, Plato, Aristotle, Socrates, dan ramai lagi.

Beberapa orang tokoh hedonis Yunani telah membahaskan mengenai keseronokan dan kesengsaraan atau kesakitan. Antaranya ialah Democritus, Aristippus, Epicurus, Jeremy Bentham, James Mill, dan lain-lain. Aristippus dan Epicurus merupakan pengetua sekolah pemikiran falsafah iaitu Cyrenaics dan Epicureans. Mereka telah menggariskan keseronokan dan kesengsaraan sebagai konsep penting dalam sistem pengajian mereka.<sup>34</sup> Kedua-dua orang tokoh ini merupakan perintis kepada fahaman hedonisme.

Aristippus of Cyrene (435-356 S.M.) mendakwa bahawa keseronokan merupakan satu-satunya perkara yang dicari dalam hidup manusia. Berdasarkan kepada konsep keseronokan, pergerakan licin digambarkan sebagai suatu unsur yang menghasilkan kepuasan jasad iaitu kesenangan dan pergerakan kasar mengakibatkan kesakitan badan iaitu ketidaksenangan. Walaupun kesakitan merupakan suatu pengalaman yang kurang menyenangkan, beliau tidak menafikan keberadaan sakit dalam mencapai keseronokan. Walau bagaimanapun, pendapat beliau ini berbeza dengan pandangan Epicurus yang menafikan kewujudan kesakitan bagi mencapai keseronokan.<sup>35</sup>

Menurut Epicurus (341-270 S.M.), keseronokan merupakan peringkat mula dan akhir sesebuah kehidupan yang diredai. Ketiadaan kesakitan dalam badan dan kesulitan kejiwaan merupakan satu keseronokan. Puncak kesenangan baginya ialah ketenangan jiwa. Beliau juga bercanggah pendapat dengan sebahagian ahli falsafah hedonis sebelumnya mengenai perbezaan antara keseronokan aktif dengan keseronokan pasif atau keseronokan dinamik dengan keseronokan statik.

Keseronokan aktif atau dinamik melibatkan pencapaian sesuatu tujuan yang diinginkan dan keinginan sebelumnya yang disertai dengan kesakitan. Keseronokan pasif atau statik tertakluk kepada suatu keadaan keseimbangan yang berlaku disebabkan oleh kehadiran sesuatu keadaan yang akan menjadi keinginan sekiranya ia tiada. Beliau berpandangan bahawa pilihan terbaik adalah mengikuti jenis kedua kerana ia tidak terikat dengan rasa sakit sebagai dorongan kepada keinginan. Apabila sesuatu

<sup>33</sup> Azhar Hj. Mad Aros et al., *TITAS Kertas 1*, Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 2001, hlm. 73.

<sup>34</sup> Mardzelah Makhsin, *Sains Pemikiran dan Etika*, hlm. 97.

<sup>35</sup> A. A. Long, *Hellenistic Philosophy*, Gerald Duckworth and Company Limited, London, 1974, hlm. 8.

jasad berada dalam keadaan seimbang, kesakitan tiada. Matlamat manusia sepatutnya adalah keseimbangan dan keseronokan berbanding kegembiraan.<sup>36</sup>

Epicurus juga menyatakan bahawa keadaan jiwa keseluruhannya berubah secara automatik. Sekiranya ia pernah melakukan kebaikan maka ia akan memperoleh kegembiraan. Begitulah sebaliknya, jika ia pernah membuat kejahatan maka ia akan memperoleh kesedihan dan kesengsaraan. Kesenangan dan kegembiraan sesuatu jiwa disebabkan oleh jiwa-jiwa yang lain. Demikian juga kesedihan dan kesengsaraannya disebabkan oleh jiwa-jiwa yang lain bersesuaian dengan kadar perbuatan yang zahir daripada individu tersebut.<sup>37</sup>

Plato (428/427-348/347 S.M.) dan Aristotle (384-322 S.M.) bersepakat mengenai tiga perkara iaitu semua manusia berhasrat mencapai kebahagiaan, kebaikan merupakan unsur utama bagi mencapai kebahagiaan, dan peribadi serta pemikiran yang ideal dan sempurna mencetuskan kebahagiaan.<sup>38</sup> Aristotle menyatakan bahawa kebahagiaan adalah merupakan matlamat akhir, kepuasan diri, dan kesudahan sesuatu tindakan.<sup>39</sup> Bagi Aristotle, kelazatan panca indera merupakan perasaan yang serasi dan kelazatan fikiran adalah kesempurnaan yang sampai kepada zatnya yang membangkitkan perasaan. Jika kesempurnaan zatnya sama ada hakikat atau kemuliaannya tersingkap, ia dapat menimbulkan kelazatan bahkan melahirkan rasa aman dan anggun.<sup>40</sup>

Manakala Uskup Butler pula menentang teori hedonisme yang menyatakan bahawa manusia melakukan sesuatu apabila mereka digerakkan oleh nafsu. Disebabkan oleh kepuasan nafsu adalah kenikmatan, maka matlamat segala tindakan yang dilakukan adalah kenikmatan. Beliau beranggapan dalam teori ini, hedonisme bergantung kepada suatu hujah yang kurang jelas. Sekiranya manusia bertindak apabila digerakkan oleh nafsu dan kenikmatan merupakan matlamat utama untuk memenuhi kepuasan nafsu, ini tidak bermaksud bahawa nafsu itu sentiasa bermatlamatkan untuk mencari kenikmatan. Menurutnyalah lagi, hedonisme berpegang kepada pandangan yang amat sederhana mengenai sifat nafsu. Ini kerana hedonisme menyamakan semua nafsu dengan keinginan yang muncul secara spontan.<sup>41</sup>

Antara tokoh hedonis Barat Moden ialah Jeremy Bentham (1748-1832) berpandangan bahawa prinsip hedonisme mempunyai hubungan dengan fitrah yang menghubungkaitkan manusia dengan faktor kesakitan dan kegembiraan. Hanya faktor ini akan mempengaruhi manusia dalam sesuatu tindakan iaitu menunjukkan apa yang mesti dilakukan di samping menentukan sesuatu tindakan yang patut dilakukan.<sup>42</sup>

James Stuart Mill (1806-1873) beranggapan bahawa keseronokan merupakan kebaikan dan kesakitan adalah kejahatan.<sup>43</sup> Pendapat James Stuart Mill ini mempunyai persamaan dengan pandangan Jeremy Bentham iaitu sesuatu perkara yang baik adalah keseronokan atau kebahagiaan dan perkara yang tidak baik adalah kesakitan. Sesuatu keadaan itu dianggap lebih baik sekiranya keseronokan melebihi kesakitan.<sup>44</sup> Bentham menyatakan bahawa satu-satunya fakta moral ialah manusia mencari kesenangan

---

<sup>36</sup> Bertrand Russell, terj. Mohd. Safar Hasim dan Fatimah Yusoff, *Sejarah Falsafah Barat*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1995, hlm. 296-297. Selepas ini disebut Bertrand Russell terj. Mohd. Safar Hasim dan Fatimah Yusoff.

<sup>37</sup> Abd al-Fath Muhammad Abd al-Karim, al-Syahrastani, *al-Milal wa an-Nihal*, diedit oleh Abd al-Aziz Muhammad al-Wakil, Dar al-Fikr, Beirut, 1968, hlm. 358. Selepas ini disebut al-Syahrastani.

<sup>38</sup> Robert L. Holmes, *Basic Moral Philosophy*, Thomson Wadsworth, United States, 2003, hlm. 50.

<sup>39</sup> *Ibid*, hlm. 48.

<sup>40</sup> Al-Syahrastani, *al-Milal wa an-Nihal*, hlm. 380.

<sup>41</sup> Roger Scruton, *A Short History of Modern Philosophy: From Descartes to Wittgenstein*, hlm. 111.

<sup>42</sup> *Ensiklopedia Malaysiana*, jil. 5, hlm. 326.

<sup>43</sup> Bertrand Russell, terj. Mohd. Safar Hasim dan Fatimah Yusoff, *Sejarah Falsafah Barat*, hlm. 921.

<sup>44</sup> *Ibid.*, hlm. 919.

dan mengelak kesakitan. Prinsip beliau menggariskan bahawa disebabkan oleh faktor kesenangan dan kesakitan maka manusia menetapkan sesuatu tindakan yang seharusnya dilakukan.<sup>45</sup>

Walau bagaimanapun, James Stuart Mill sependapat dengan Epicurus iaitu menghargai keseronokan secara sederhana. Baginya perkara yang terbaik adalah kenikmatan intelektual dan kemurnian tertinggi adalah kesederhanaan.<sup>46</sup> Berbeza pula dengan G.E. Moore (1773-1836) yang berkeyakinan bahawa konsep kebaikan berpunca daripada keseronokan. Keseronokan adalah perkara terbaik dan berfungsi untuk mencapai kebaikan yang dianggap sebagai satu matlamat dalam kehidupan.<sup>47</sup>

Sidgwick (1838-1900) menyarankan para hedonis supaya peka terhadap tindakan-tindakan yang mendatangkan impak kepada keseronokan dan kebahagiaan. Peranan mereka adalah menambah nisbah pengalaman menyeronokkan dan mengurangkan nisbah kesakitan. Terdapat satu aliran dalam hedonisme yang mendakwa jika terdapat sesuatu prinsip moral dalam masyarakat yang menjadi penghalang di dalam mencapai kebahagiaan, maka prinsip tersebut sepatutnya diingkari. Maksudnya, kebahagiaan dan keseronokan merupakan matlamat utama dalam budaya hedonisme sehinggakan dibenarkan melanggar prinsip moral.<sup>48</sup>

Socrates (469-399 S.M.) dalam penulisannya menyatakan bahawa tujuan kehidupan manusia ialah mencari kebahagiaan. Matlamat utama dalam kehidupan manusia adalah mencapai kebahagiaan jiwa. Menurut Socrates, manusia perlu mengenali dirinya sendiri yang memiliki 'diri yang nyata'. Kebahagiaan yang nyata terdapat dalam pengenalan diri yang nyata tersebut. Apabila seseorang individu mengenal siapa dirinya, beliau akan mengetahui kaedah yang sebaik-baiknya untuk dilakukan bagi mencapai kebahagiaan. Socrates menyarankan kepada golongan remaja supaya bertafakur bagi mengenal diri mereka sendiri. Pengetahuan adalah kebijaksanaan dan ia merupakan satu saranan bagi individu yang ingin mencapai kebahagiaan yang diidam-idamkan. Socrates juga menekankan bahawa pengetahuan yang jelas mengenai asas keperluan hidup harus dicapai melalui pengenalan diri sendiri meskipun ilmu pengetahuan dapat dipelajari melalui perbincangan, debat, dan diskusi. Jelas di sini bahawa bagi Socrates, kebaikan yang paling tinggi tahapnya ialah ilmu pengetahuan.

Seterusnya mengenai keinginan manusia akan kesenangan merupakan dorongan utama dalam kehidupan. Persoalannya, perlukah manusia itu sentiasa mencari kesenangan dalam hidupnya? Seterusnya mengenai anggapan hedonisme bahawa kuasa manusia adalah untuk mencari kesenangan sehingga menyamatarafkan di antara kesenangan dengan kemoralan yang baik. Hedonisme seharusnya menghadkan diri pada suatu etika deskriptif sahaja iaitu pada kenyataan kebanyakan manusia membiarkan tingkah lakunya dipimpin oleh kesenangan. Berikutnya adalah berkaitan dengan tanggapan para hedonis bahawa sesuatu adalah baik kerana disenangi. Namun, kesenangan bukan hanya merupakan suatu perasaan subjektif semata-mata, ia adalah pantulan subjektif daripada suatu yang objektif. Seseorang menilai sesuatu itu baik kerana kebaikan yang ada padanya. Justeru, kebaikan diri sesuatu objek kesenangan mendahului andaian kesenangan tersebut.<sup>49</sup>

Budaya hedonisme berakar umbikan daripada sekularisme iaitu keduniawian. Sekularisasi bertujuan untuk menjadi lebih terbuka kepada semua bentuk perubahan yang wujud di dalam persekitaran masa kini. Fenomena budaya hedonisme seperti pergaulan bebas, seks bebas, minum minuman keras, dan seumpamanya adalah sejajar dengan matlamat sekularisme untuk menghapuskan peranan agama dan Tuhan daripada segala urusan kehidupan manusia.<sup>50</sup> Pergaulan dapat menghilangkan kebosanan dan

<sup>45</sup> Roger Scruton, *A Short History of Modern Philosophy: From Descartes to Wittgenstein*, Routledge, London, 1995, hlm. 224. Selepas ini disebut Roger Scruton.

<sup>46</sup> Bertrand Russell, terj. Mohd. Safar Hasim dan Fatimah Yusoff, *Sejarah Falsafah Barat*, hlm. 921.

<sup>47</sup> G.E. Moore, *Principia Ethica*, hlm. 61.

<sup>48</sup> C.D. Broad, *Five Types of Ethical Theory*, hlm. 153.

<sup>49</sup> K. Bertens, *Etika dan Moral*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2006, hlm. 183-185.

<sup>50</sup> Azhar Hj. Mad Aros et al., *TITAS Kertas 1*, hlm. 216.

kesunyian. Namun, pergaulan yang tiada batasan mengakibatkan keburukan. Dalam kalangan masyarakat alaf baharu ini, golongan yang menikmati kehidupan di dunia kosmopolitan beranggapan bahawa pergaulan bebas adalah budaya yang biasa. Pada era kini, fenomena pergaulan bebas melibatkan pelbagai aktiviti yang merosakkan masyarakat terutama golongan remaja seperti pengedaran dadah, penyalahgunaan pil ekstasi, dan pelacuran.<sup>51</sup>

Kebaikan secara umum ialah semua perkara baik yang manusia suka dan bermatlamat untuk mencapainya. Ia dibahagikan kepada dua iaitu kebaikan mutlak dan kebaikan relatif. Kebaikan mutlak adalah kebaikan tertinggi iaitu kebahagiaan. Apabila seseorang individu memperoleh kebahagiaan, keperluan-keperluan yang lain tidak lagi diperlukannya kerana kebahagiaan merupakan kebaikan yang lengkap, terbaik dan menggabungkan semua jenis kebaikan yang diinginkan manusia. Berbeza dengan kebaikan relatif iaitu kebaikan yang tidak sempurna, seseorang individu yang mencapai kebaikan relatif masih memerlukan kepada kebaikan-kebaikan yang lain.<sup>52</sup>

Manusia sanggup melakukan pelbagai cara untuk mengecap kebahagiaan seperti melancung ke seluruh pelusuk dunia, melakukan aktiviti mencabar, hidup bersama binatang, dan sebagainya. Namun, semua ini tidak memberikan kepuasan dan kebahagiaan berterusan. Kebiasaannya ia hanya bersifat sementara dan kebahagiaan yang dicari semakin jauh.<sup>53</sup> Kebahagiaan dan keseronokan fizikal atau perasaan bersifat sementara kerana apabila luput perkara yang memberikan kebahagiaan atau keseronokan tersebut, maka kebahagiaan dan keseronokan akan hilang. Kebahagiaan hakiki adalah keyakinan yang kekal dalam hati dan jiwa manusia. Sesuatu amalan yang berasaskan kepada ilmu dan keyakinan akan menghasilkan kebahagiaan hakiki. Seseorang yang mencapai kebahagiaan hakiki tidak akan terlepas daripada menerima ujian penderitaan fizikal dan perasaan.<sup>54</sup>

## **Kesimpulan**

Kesimpulannya, hedonisme menggariskan keseronokan sebagai asas utama kehidupan. Konsep kebaikan dan kebahagiaan yang dibawa oleh hedonisme hanya berasaskan kepada keseronokan duniawi serta penumpuannya kepada kebendaan semata-mata. Fahaman yang mula-mula diperkenalkan di Yunani ini seterusnya telah berkembang ke Eropah dan akhirnya tersebar ke seluruh dunia mengikut falsafah sekular Barat. Fahaman ini telah berubah menjadi satu budaya dan cara hidup masyarakat di era ini. Konsep keseronokan, kenikmatan, dan kelazatan berjaya mempengaruhi masyarakat dalam pelbagai adegan perbuatan yang merosakkan masyarakat. Hasil daripada buah fikiran para hedonis telah diimplementasi sepenuhnya oleh golongan masyarakat pada hari ini terutama golongan remaja. Kehidupan mereka yang bersifat individualistik dan materialistik ini dipenuhi dengan berpoya-poya, menghabiskan masa di tempat-tempat hiburan, minum arak, berzina, dan sebagainya dengan hasrat untuk mencapai satu matlamat iaitu mengecap keseronokan, kebahagiaan, dan kenikmatan duniawi.

---

<sup>51</sup> Abdul Ghafar Don & Zaleha Mohd Ali, *Dakwah dan Cabaran De-Islamisasi di Malaysia*, hlm. 68-69.

<sup>52</sup> Mohd. Nasir Omar, *Akhlak dan Kaunseling Islam*, Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 2005, hlm. 105-106. Selepas ini disebut Mohd. Nasir Omar.

<sup>53</sup> Mohd. Fadli Sulaiman, *Kebahagiaan: Definisi Islam*, Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 2004, hlm. 66.

<sup>54</sup> Wan Mohd. Nor Wan Daud, *Pembangunan di Malaysia: Ke Arah Satu Kefahaman Baru yang Lebih Sempurna*, hlm. 51-53.



## **Rujukan**

- Abdul Ghafar Don & Zaleha Mohd Ali.(2008) *Dakwah dan Cabaran De-Islamisasi di Malaysia*. Selangor: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Abdul Monir Yaacob & Norhanizah Ismail (Eds.) (2005), *Islam Hadhari: Himpunan Isu Kontemporari*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Abdul Rahman Hj. Abdullah (1992), *Pemikiran Islam Masa Kini: Sejarah dan Aliran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Md. Aroff (1999), *Pendidikan Moral: Teori Etika dan Amalan Moral*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Ahmad Shahbari Salamon (1988), *Azhar and Politics*. Kuala Lumpur: al-Rahmaniyyah, 1988.
- Al-Attas, S. M. N. (1993), *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC), 1993.
- Ali Mohammad, (2010), "Rasuah Menurut Islam: Analisis Implikasinya Terhadap Pembangunan Negara" dalam Mohd Roslan Mohd Nor & Ahmad Zaki Berahim @ Ibrahim (Eds.). *Pembangunan Modal Insan & Tamadun Dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Arbak Othman (1994), *Kamus Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Azhar Hj. Mad Aros et al. (2001), *TITAS Kertas 1*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Bahagian Pendidikan dan Pembangunan Fatwa (Ed.).(2005), *Pembangunan Tamadun Ummah dan Cabarannya*. Pulau Pinang: Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang, 2005.
- Bertens, K. (2006), *Etika dan Moral*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Broad, C.D (1930), *Five Types of Ethical Theory*. London: Routledge and Kegan Paul Ltd.
- Che Bakar Che Mat et al. (2007), *Pembangunan dari Perspektif Islam*. Shah Alam: Universiti Teknologi MARA.
- Che Zuina Ismail (1998), *Pembangunan Insan: Peranan Pusat Pendidikan Islam dan Unit Agama (HEP) Terhadap Siswa-Siswi ITM Shah Alam*. Tesis Sarjana Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Belum diterbitkan.
- (1996), *Ensiklopedia Malaysiana*. 17 jilid. Kuala Lumpur: Anzargain Sdn. Bhd., 1996.
- Ezad Azraai Jamsari et al.(2005), *Pengajian Islam*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Hafizah Dasuki et al. (Eds.).(2004), *Ensiklopedia Islam*. 5 jilid. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haji Zainal Abidin Safarwan (penyusun) (2002), *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Haron Din et al. (1990), *Manusia dan Islam*. 3 jilid. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hasnan Kasan, "Disiplin Amar Makruf Nahi Mungkar Menurut Siasah Syar'iyah." *Jurnal YADIM*, bil. 5, 2003.

Holmes, Robert L.(2003), *Basic Moral Philosophy*. United States: Thomson Wadsworth.

(2001), *Kamus Am*. Kuala Lumpur: Crescent News (KL) Sdn. Bhd.

(2010), *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

(1994), *Kamus Malaysiana*. Kuala Lumpur: Ensimal (M) Sdn. Bhd.

Mardzelah Makhsin (2007), *Sains Pemikiran dan Etika*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd., 2007.

Mohamad Farid Linggi (2007), *Warna Warni Kehidupan*. Kuala Lumpur: al-Hidayah Publications.

Nik Mohd Rosdi & Nik Kamaliah (2002) *Kenalilah al-Islam* (Bahagian Dua). Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.

Qutb, Sayyid (2009), *Fi Zilal al-Qur'an*. 6 jilid. Kaherah: Dar al-Syuruq, 2009.